

22 OCT 1998

Parlimen-Salomon

SALOMON SMITH BARNEY NASIHATI KERAJAAN DALAM INDUSTRI PERBANKAN

KUALA LUMPUR, 22 Okt (Bernama) -- Salomon Smith Barney (SSB) berperanan menasihati kerajaan dalam menstruktur dan mempermodalkan semula industri perbankan serta melaksanakan program pembiayaan bagi kerajaan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Kewangan Pertama berkata SSB tidak mengenakan yuran khidmat nasihat di atas perkhidmatan nasihat yang diberikan melainkan jika SSB berjaya membantu kerajaan memperolehi pinjaman dari pasaran antarabangsa.

"Bagaimanapun, SSB akan menuntut segala perbelanjaan yang ditanggung oleh mereka dalam menjalankan tugas sebagai penasihat kewangan tertakluk kepada had maksimum yang dipersetujui," katanya dalam jawapan bertulis kepada Lim Guan Eng (DAP-Kota Melaka) di sini.

Jawapan itu telah difakskan dari ibu pejabat DAP ke pejabat Ketua Pembangkang di Parlimen dan diedarkan kepada pihak media di bangunan Parlimen hari ini.

Dr Mahathir berkata kerajaan percaya SSB memiliki tahap kemahiran dan objektiviti yang tinggi dalam menjalankan tugas mereka sebagai penasihat kewangan kepada kerajaan.

SSB, yang merupakan anggota Kumpulan Travelers, telah mengumumkan penggabungan mereka dengan Kumpulan Citicorp pada April 1998.

Kumpulan gabungan baru yang dikenali sebagai Citigroup Inc. akan menjadi suatu kumpulan institusi kewangan yang terbesar di dunia.

Perdana Menteri berkata SSB telah memainkan peranan penting sebagai pengurus utama di dalam pengeluaran bon kadar tetap dolar Amerika yang pertama oleh Malaysia pada 1990.

Menurutnya SSB juga adalah pengurus utama bersama bagi pengeluaran bon dolar Amerika oleh Petronas berjumlah USD1.9 bilion pada 1996.

"Rekod pencapaian di atas membuktikan kemampuan SSB untuk menjayakan rancangan Kerajaan bagi menerbitkan pinjaman wang asing serta mempromosikan keadaan sebenar ekonomi Malaysia bagi meningkatkan prestasi pelabur asing terhadap Malaysia," kata beliau.

Dr Mahathir berkata sebagai bank pelaburan, SSB mempunyai pembahagian peranan yang jelas dengan aktiviti jual-beli bon dan matawang tidak digabung atau dicampuradukkan dengan aktiviti khidmat nasihat.

Beliau berkata biasanya dalam aktiviti jual-beli bon dan matawang asing, ia dilakukan untuk pelanggan dan bertindak sebagai "proprietary trading" untuk meraih keuntungan bagi pihak bank.

"Di dalam situasi pasaran yang tidak menentu, aktiviti "proprietary trading" ini boleh mendedahkan institusi-institusi terlibat kepada risiko kerugian akibat kejatuhan pasaran," katanya.

Perdana Menteri berkata kebanyakan institusi kewangan yang mempunyai pendedahan besar di dalam pasaran Rouble Rusia telah mengalami kerugian termasuk SSB.

-- BERNAMA

HS NAK